

# Peguam Syar‘i: Amalan dan Kedudukannya di Malaysia

Mohamed Azam Mohamed Adil

## *Abstract*

*The discussion on the engagement of shar‘i lawyers is focused on the method and regulation as instituted by various states of Malaysia. It is suggested that Shar‘i lawyers graduated from the Shariah schools of laws be given opportunities to represent their clients in Civil Courts. A number of suggestions are made of how to enhance the efficiency and experiences of those lawyers so as to be more effective in assisting judges in Shariah Courts in upholding justice as required by the Shariat.*

## **Latar Belakang Kewujudan Peguam**

Rasulullah s.‘a.w. merupakan seorang hakim yang menyelesaikan sebarang pertikaian di samping sebagai ketua negara. Dalam membuat keputusan, baginda akan mendengar hujah kedua-dua pihak terlebih dahulu. Persoalan sama ada pihak yang bertikai diwakili peguam atau tidak, tidak timbul sama sekali kerana pada masa itu belum wujud profesyen peguam seperti yang ada pada hari ini. Ini tidaklah bermakna bahawa amalan mewakilkan kes kepada seseorang lain tidak pernah berlaku. Semasa zaman para sahabat, pernah al-Bayhaqi meriwayatkan dari ‘Abdullah bin Ja‘far bahawa Saidina ‘Ali tidak suka kepada sebarang perbalahan. Apabila berlaku sebarang perbalahan, ‘Ali mewakilkan Uqayl bin Abi Talib dan bila mana dia (Uqayl) telah lanjut umurnya maka ‘Ali mewakilkan pula kepada Abdullah bin Jaafar. Meskipun begitu terdapat beberapa hujah bahawa ‘Ali dianggap sebagai seorang pembela yang terbaik di kalangan para sahabat. Diceritakan bahawa berlaku kes zina semasa tanah Arab dilanda kebuluran. Seorang wanita telah mengadu kepada Khalifah ‘Umar al-Khattab yang beliau sedang mengandung akibat dari perbuatan zina dan meminta halifah ‘Umar melakukan hukuman rejam ke atasnya. ‘Ali telah meneliti kes ini dengan mengambil kira sebab-sebab yang mendorong wanita itu melakukan zina. Pada akhir penelitiannya, ‘Ali mendapati bahawa wanita berkenaan bukanlah melakukan zina itu dengan kerelaannya tetapi demi untuk menyelamatkan dirinya dari kebuluran. Peristiwa itu berlaku apabila wanita itu dalam keadaan dahaga dan dalam perjalanan mencari air terjumpa seorang lelaki yang memiliki susu. Wanita berkenaan meminta sedikit susu itu tetapi ditolak permintaannya. Akhirnya setelah tiga kali merayu lelaki berkenaan bersetuju memberi susu itu dengan syarat wanita itu menyerahkan tubuh badannya kepada lelaki berkenaan. Pada akhir perbicaraan, Khalifah ‘Umar telah

membebaskan wanita itu mengambil pandangan 'Ali bahawa perbuatan wanita itu dalam keadaan darurat.

Profesyen guaman seperti yang wujud pada hari ini hanyalah dikenali semasa pemerintahan 'Abasiyyah. Ia bermula apabila pihak menuntut dan yang kena tuntutan tidak memahami bidang undang-undang. Pada zaman itu juga peguam dikenali sebagai wakil kadi mengambil kira peranan yang dimainkan oleh mereka dalam menolong kadi. Di antara mereka yang terkenal dengan profesyen peguam ialah Abu Ahmad al-Wazzan yang menjadi wakil kadi Abu Ja'far Ahmad bin Ishaq al-Tanhuki dan 'Abdullah bin Ja'far wakil kadi Abu Bakar Muhammad bin 'Abd al-Rahman bin Qura'ah.

Di dunia Islam, amalan guaman seperti yang dipraktikkan di Barat hanya dikenali selepas kejatuhan Uthmaniyyah yang berpusat di Turki. Ia bermula dengan adanya guru yang menjadi penterjemah di mahkamah. Meskipun begitu, ada juga yang berpendapat bahawa sejarah guaman seperti yang diamalkan di Barat telah wujud sebelum itu. Di antaranya sebuah buku mengenai amalan guaman ditulis oleh Ahmad Fathi Zaghul pada tahun 1318H/1900. Diceritakan juga pada tahun 1882 kedatangan peguam yang berjaya membebaskan orang yang bersalah dari hukuman. Dengan penemuan-penemuan buku ini dapatlah dikatakan bahawa profesyen guaman telah dikenali di negara Islam selepas mengadakan hubungan dengan Barat dan bukannya semasa penjajahan.

Dari sejarah Barat di England, peguam-peguam telah mewakili mereka yang terlibat di dalam mahkamah bermula pada tahun 1200M. Diceritakan bagaimana rusuhan petani pada tahun 1381M yang mengakibatkan hakim dan peguam telah dibunuh dengan begitu ramai. Dari segi bayaran pula, banyak bergantung kepada bayaran saguhati kerana amalan guaman pada masa itu dibuat secara sukarela.

## **Tugas Utama Peguam**

Tugas seseorang peguam dalam menjadi wakil ialah menegak kebenaran dan keadilan. Al-Qur'an menyebut persoalan keadilan dalam banyak surah. Di antaranya ialah yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhan-Nya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya, lagi sentiasa melihat"*

Di dalam ayat yang lain Allah berfirman yang bermaksud:

*"Dan Allah memutuskan hukum dengan adil, sedang yang mereka sembah lain dari Allah tidak dapat memberikan sebarang keputusan. Sesungguhnya Allahlah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat"*

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

*"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan*

*adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”*

Peguam ialah “seorang yang alim mengenai undang-undang, mampu mencari kebenaran di pihak yang benar dan menolak kepalsuan pihak yang bersalah mengikut ilmu undang-undang demi menegakkan hak”. Justeru itu, peguam mestilah mempercayai dengan penuh yakin bahawa anak guamannya berada di pihak yang benar. Sekiranya didapati bahawa anak guamannya bersalah, dia dilarang membelanya. Ini bersesuaian dengan firman Allah “Janganlah kamu menjadi pembela kepada mereka yang melakukan khianat”. Kerana itu kemurkaan Allah kepada peguam yang membantu mereka melakukan kezaliman.

Sebenarnya peranan peguam dalam menjadi wakil kepada pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu prosiding teramatlah luas. Melihat kepada Kaedah 2 dalam kaedah-kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Kesopanan) 1978 (Pindaan P.U. (A) 58/94) “seseorang peguambela dan peguamcara hendaklah memberi nasihat berkaitan dengan atau menerima mana-mana arahan dalam mahkamah-mahkamah di mana ia menjalankan amalan dengan bayaran profesional yang wajar bergantung kepada lamanya tempoh yang diperlukan bagi menyediakan kes itu dengan syarat bahawa keadaan khas tidak mengizinkan, maka dia boleh menurut budi bicaranya enggan menerima sesuatu arahan tertentu”. Tuan Haji Sulaiman Abdullah mengumpamakan kaedah ini dengan “*the cab-rank rule*” di mana sesuatu teksi yang ditahan oleh seseorang penumpang mestilah membawa penumpang tersebut ke destinasi yang diminta mengikut kawasan lesen teksi tersebut. Manakala keadaan khas pula membawa maksud seseorang peguam boleh menolak menjadi peguam kepada bakal anak guaman yang ingin keluar Islam secara sah.

Di samping Kaedah 2, kaedah-kaedah lain yang tidak juga kurang pentingnya ialah Kaedah 8 yang memperuntukkan bahawa “seseorang peguam tidak boleh meminta dilepaskan dari tugasannya”, “seseorang peguam mestilah menjalankan pembelaan dengan cara yang saksama dan terhormat”, “seseorang peguam wajib menjalankan pendakwaan supaya orang yang tidak bersalah tidak disabitkan”, “peguam hendaklah bertindak mengikut tata tertib terhadap sesebuah tribunal dengan perasaan tidak takut untuk mempertahankan kepentingan anak guamannya dan juga kepentingan keadilan dan kehormatan profesyennya tanpa mengambil kira balasan yang tidak baik sama ada ke atas dirinya atau mana-mana orang lain”, “peguam juga tidak boleh melakukan apa-apa perdayaan ke atas mahkamah”, “peguam hendaklah berkelakuan jujur, tertib dan saksama di hadapan mahkamah dan peguam lain” dan “seseorang peguam mestilah mengemukakan semua keputusan yang berkaitan meskipun disedari keputusan itu bertentangan dengan kesnya”.

### **Fungsi Peguam Syar‘i dalam Perbicaraan**

Oleh kerana Malaysia mengamalkan sistem *Common Law*, amalan yang dipraktikkan di mahkamah-mahkamah sivil ialah perbicaraan permusuhan atau *adversary system*. Dalam sistem ini peguam yang mewakili anak guamannya berperanan dalam menentukan masalah yang dibawa ke mahkamah seperti apakah bentuk remidi yang

dituntut, tuntutan dan keterangan yang sesuai bagi memenuhi tuntutan tersebut. Peranan hakim tidak lain hanyalah diibaratkan sebagai pengadil dalam sesuatu permainan. Hakim tidak boleh menyiasat dan hanya bergantung kepada hujah di antara pihak menuntut dan pihak kena tuntutan.

Di negara-negara bukan *Commonwealth*, sistem yang terpakai di mahkamah berbentuk penyiasatan atau *inquisitorial system*. Dalam sistem ini, walaupun ia melibatkan kes-kes sivil dan individu, ia dianggap kepentingan awam yang boleh membawa keadaan huru-hara di kalangan masyarakat. Justeru itu, seseorang hakim yang mengendalikan kes ini akan menyiasat dan memanggil saksi untuk memberi keterangan walaupun pihak yang terlibat enggan berbuat demikian.

Berkemungkinan sistem yang terpakai dalam Mahkamah Syariah di Malaysia adalah kombinasi antara sistem *adversarial* dan *inquisitorial*. Sistem ini berdasarkan kepada sebuah hadis di mana Rasulullah s.'a.w. bersabda:

*“Saya hanya seorang manusia dan kamu membawa kepada saya pertikaian antara kamu. Andainya satu pihak antara kamu mengemukakan tuntutannya dengan cara yang lebih menarik dari pihak lain sehingga saya memberi keputusan yang tidak benar kepada pihak itu iaitu memberi hak satu saudara ke saudara yang lain, maka ia harus tidak menerimanya sebab itu adalah sepotong dari neraka”*

Hal ini disokong perlaksanaannya di Selangor. Seksyen 121 Enakmen Prosedur Mal Selangor memperuntukkan “Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat pembicaraan memanggil mana-mana pihak mengemukakan yang difikirkan wajar untuk kepentingan keadilan dan boleh memeriksa mana-mana tempat atau barang”. Seterusnya seksyen 75 Enakmen berkenaan memperuntukkan “Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sementara yang difikirkan perlu untuk menjalankan keadilan kedua-dua pihak, sama ada perintah sementara itu dipohon atau tidak”.

Walau bagaimanapun, dalam kes-kes yang melibatkan hal ehwal keluarga, saranan supaya pihak yang terlibat berdamai (*sulh*) amat-amatlah digalakkan. Ini adalah kerana ia melibatkan suami isteri serta anak-anak. Kalau boleh, tidaklah perlu didedahkan segala “kelemahan dan kecacatan” rumah tangga dalam mahkamah terbuka.

Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abdullah bin Ka’ab bahawa Ka’ab bin Malik memberitahunya bahawa beliau telah mendesak Ibn Abu Hadrad menjelaskan hutang kepadanya. Mereka bertengkar di masjid sehingga didengari oleh Rasulullah s.'a.w. Baginda pun memanggil Ka’ab dan dengan menggunakan isyarat tangannya menyuruh beliau menerima separuh wang yang dihutang oleh Ibn Abu Hadrad. Lantas Ka’ab menerima cadangan tersebut dan Ibn Abu Hadrad pun membayar mengikut jumlah yang dipersetujui.

Saranan supaya pihak yang bertikai berdamai (*sulh*) juga diperuntukkan dalam seksyen 87 Enakmen Prosedur Mal Selangor di mana “pihak-pihak dalam sesuatu prosiding digalakkan mengadakan *sulh* supaya menyelesaikan pertikaian mereka”.

Amalan supaya berdamai bukan hanya digalakkan dalam Islam malah seorang hakim Inggeris pernah mencadangkan penyelesaian secara damai.

## Kelayakan untuk Menjadi Peguam Syar'i di Malaysia

Dalam undang-undang Islam seseorang yang ingin menjadi peguam mestilah memenuhi beberapa kriteria di antaranya:

- (a) Seseorang peguam hendaklah mempunyai akhlak yang mulia seperti mana yang dituntut dalam Islam. Ini bersesuaian dengan firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*“Dan sesungguhnya bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingat Allah banyak-banyak dalam keadaan susah dan senang”*

- (b) Seseorang peguam Syar'i juga mestilah bersifat amanah sesuai dengan firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil”*

- (c) Seseorang peguam Syar'i juga dikehendaki menjalankan tugas dan peranannya dengan ikhlas, jujur dan dengan niat yang baik.
- (d) Seseorang peguam Syar'i mestilah mempunyai pengetahuan yang luas dalam undang-undang Islam dan Syariah sebelum memohon untuk menjadi peguam Syar'i.
- (e) Seseorang peguam Syar'i dikehendaki berpengetahuan luas dalam undang-undang terutamanya memahami undang-undang keterangan dan prosedur di Mahkamah Syariah.
- (f) Peguam Syar'i juga diminta supaya meningkatkan pengetahuan mereka agar ia boleh menjadikan mereka lebih cekap serta mampu menjalankan tugas mereka.

Tidak semua peguambela dan peguamcara boleh menjadi wakil kepada anak guamannya di Mahkamah-mahkamah Syariah Malaysia. Hanya tiga golongan sahaja yang dibenarkan memohon untuk menjadi peguam di mahkamah-mahkamah Syariah. Mereka terdiri daripada:

- (a) Mana-mana pegawai Undang-undang Kerajaan Persekutuan;
- (b) Mana-mana peguambela dan peguamcara yang mempunyai sijil amalan yang sah mengikut Akta Profesion Undang-undang 1976 (Akta 166);
- (c) Mana-mana orang yang berkelayakan menjadi Peguam Syar'i.

Penerimaan masuk seseorang peguam Syar'i ke dalam Mahkamah Syariah adalah tertakluk kepada bidang kuasa negeri-negeri. Di Wilayah Persekutuan Kaedah-kaedah Peguam Syar'ie 1984 menggariskan bahawa seseorang boleh diterima menjadi peguam Syar'i sekiranya:

- (a) (i) telah lulus peperiksaan yang membawa kepada ijazah sarjana muda Syariah dari mana-mana universiti atau mana-mana institusi pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
  - (ii) seorang yang menjadi anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan;
  - (iii) seorang yang menjadi peguambela dan peguamcara yang didaftarkan di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976;
  - (iv) telah berkhidmat sebagai Hakim Syar'i atau Kadhi dengan mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun;
- (b) telah mencapai umur dua puluh tahun;
- (c) berkelakuan baik dan
- (i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah;
  - (ii) tidak pernah dihukum menjadi bankrap;
- (d) seorang warga negara Malaysia; dan
- (e) sebagai seorang peguambela dan peguamcara yang telah lulus peperiksaan Sijil Peguam Syar'i.

Walau bagaimanapun ada sedikit perbezaan di Pahang. Peraturan-peraturan Peguam Syariah Negeri Pahang, 1990 mendefinisikan peguam Syar'ie sebagai orang yang telah layak untuk diterima masuk sebagai peguam Syar'i seperti mana peruntukan di bawah peraturan 12. Hal yang sama juga dapat dilihat di negeri-negeri lain seperti Kedah dan di Johor.

Di sesetengah negeri seperti Terengganu mensyaratkan bahawa kehadiran seseorang peguam Syar'i dalam Mahkamah Syariah mestilah mendapat kebenaran Majlis setelah diperakui oleh sebuah jawatankuasa atau panel. Seksyen 66 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Terengganu memperuntukkan peguam Syar'i mestilah:

- (a) beragama Islam serta layak dan berkemahiran dalam perkara-perkara yang berhubung dengan hukum Syarak;
- (b) boleh bertutur dan memahami bahasa Malaysia; dan
- (c) diperakui oleh sebuah panel yang dilantik oleh Majlis, sama ada telah lulu apa-apa ujian yang diadakan oleh panel itu atau tanpa dikehendaki menjalani apa-apa ujian, sebagai seorang yang layak menjadi peguam Syar'i.

Bagi negeri-negeri lain seperti Pulau Pinang, Perlis, Sabah dan Kelantan, seseorang yang memohon untuk menjadi peguam Syar'i tidak dikenakan apa-apa ujian atau peperiksaan. Kelantan sebagai contohnya tidak mensyaratkan sebarang ujian atau peperiksaan untuk menjadi peguam Syar'i. Dalam hal ini Kadhi Besar boleh memberi kebenaran kepada mana-mana orang yang difikirkan layak permohonannya menjadi peguam Syar'ie di Mahkamah Syariah Kelantan.

Di negeri-negeri lain misalnya telah ditubuhkan Jawatankuasa Peguam Syariah. Walaupun begitu, anggota yang menduduki jawatankuasa ini berbeza mengikut negeri-negeri. Di Negeri Sembilan, jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Manakala di Wilayah Persekutuan pula ia dipengerusikan oleh Ketua Hakim Syar'ie, di Johor oleh Kadhi Besar, di Selangor dan Kedah oleh Penasihat Undang-undang negeri.

Fungsi jawatankuasa-jawatankuasa ini berbeza sedikit di antara setiap negeri kecuali Johor, Kedah dan Wilayah Persekutuan yang mempunyai banyak persamaan. Sebagai contohnya di Wilayah Persekutuan, Kaedah 7 memperuntukkan fungsi Jawatankuasa tersebut hendaklah:

- (a) Mengendalikan segala urusan mengenai penerimaan masuk peguam Syar'i.
- (b) Menerima masuk peguam Syar'i ke dalam Mahkamah Syariah; dan
- (c) Menjalankan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh Majlis.

Jawatankuasa di Pahang misalannya mempunyai tugas yang berbeza di antaranya:

- (a) Mengelolakan peperiksaan Sijil Peguam Syariah dan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan keputusan itu, dan ini termasuklah:
  - (i) Menyediakan dan menerbitkan sukatan-sukatan pelajaran peperiksaan;
  - (ii) Menetapkan tarikh peperiksaan;
  - (iii) Menyediakan aau menilai soalan dan memeriksa jawapan peperiksaan; dan
  - (iv) Menganugerahkan Sijil Peguam Syariah.
- (b) Menerika masuk peguam Syariah; dan
- (c) Menjalankan apa-apa fungsi dan tugas lain yang diarahkan oleh Majlis.

Bukan sahaja tugas jawatankuasa yang berbeza di antara negeri-negeri, penerimaan masuk seseorang sebagai peguam Syar'i juga berbeza. Untuk melihat perbezaan ini penulis hanya menyentuh tiga negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Kedah dan Pahang. Di Wilayah Persekutuan, Kaedah 8 mensyaratkan seseorang peguam Syar'i hendaklah:

- (a) (i) Seorang Islam yang mempunyai kelulusan dalam Ijazah Sarjana Muda Syariah yang diiktiraf oleh Majlis dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau

- (ii) Seorang pegawai Islam dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan Malaysia; atau
  - (iii) Seseorang peguambela dan peguamcara Islam yang berdaftar di bawah Akta Profesion Undang-undang, 1976.
  - (iv) Telah berkhidmat sebagai Hakim Syar'i atau Kadhi dengan mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia selama tempoh tidak kurang dari tujuh tahun;
- (b) Telah mencapai umur dua puluh satu tahun;
  - (c) Berkelakuan baik dan
    - (i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah; dan
    - (ii) tidak pernah dihukum menjadi bankrap;
  - (d) Seorang warganegara; dan
  - (e) Sebagai seorang peguambela dan peguamcara yang telah lulus peperiksaan Sijil Peguam Syar'i.

Di Kedah pula disyaratkan seseorang untuk diterima sebagai peguam Syar'i sekiranya:

- (a) Telah mencapai umur 18 tahun dan beragama Islam; dan
- (b) Berkelakuan baik dan;
  - (i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah yang menjadikannya tidak layak menjadi seorang ahli bagi profesyennya, khususnya, tetapi tidak terhad kepada, sesuatu kesalahan berkenaan dengan frod atau kecurangan; dan
  - (ii) tidak pernah dihukum menjadi bankrap dan tidak pernah didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan dalam perenggan (a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) dan (i) seksyen kecil (6) seksyen 33 Akta Kebankrapan 1967, dan
- (c) Seorang warganegara Persekutuan atau pemastautin tetap Malaysia yang beragama Islam;
- (d) Bermazhab Ahli al-Sunnah Wa al-Jama'ah;
- (e) Sebagai seorang peguambela dan peguamcara atau anggota perkhidmatan kehakiman dan undang-undang Malaysia yang beragama Islam; dan
- (f) Telah lulus peperiksaan peguam Syar'ie.

Manakala di Pahang pula mensyaratkan seseorang peguam Syar'i hendaklah:



- (a) (i) Beragama Islam dan telah lulus peperiksaan akhir yang membawa kepada Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti al-Azhar atau mana-mana institut pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri; atau
- (ii) Adalah seorang peguambela dan peguamcara yang berdaftar di bawah Akta Profesion Undang-undang, 1976; atau
- (iii) Telah berkhidmat sebagai Kadhi dengan mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia selama tempoh tidak kurang dari 7 tahun;
- (b) Telah mencapai umur 21 tahun;
- (c) Berkelakuan baik dan;
  - (i) Tidak pernah disabitkan di Malaysia atau mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah; dan
  - (ii) Tidak pernah dihukum menjadi bankrap;
- (d) Warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; dan
- (e) Sebagai peguambela dan peguamcara yang telah lulus peperiksaan Sijil Peguam Syariah.

### **Masalah Kelayakan Peguam Syar'ī**

Dari sudut perjalanan peguambela dan peguamcara di Semenanjung Malaysia, semua peguam adalah tertakluk di bawah peruntukan dalam Akta Profesion Undang-undang, 1976. Di Malaysia, mereka yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda undang-undang (LL.B) dan diterima sebagai peguambela dan peguamcara serta mempunyai kelulusan Syariah atau mahir dalam perundangan Islam boleh layak menjadi peguam Syar'ī di semua negeri kecuali Selangor dan Kelantan.

Tidak seperti peguambela dan peguamcara yang tertakluk dengan syarat-syarat yang dikemukakan oleh Majlis Peguam, peguam Syar'īe lulusan Syariah tidak mempunyai satu peruntukan yang seragam yang mengawal peguam Syar'ī di Malaysia seperti yang diperuntukkan dalam Akta Profesion Undang-undang, 1976. Ini menyusah tindakan disiplin sekiranya seseorang peguam Syar'ī lulusan Syariah terlibat dalam satu-satu kes yang perlu diambil tindakan segera.

Nampaknya bagi peguambela dan peguamcara yang memegang Diploma Syariah & Amalan oleh Universiti Islam Antarabangsa boleh diterima sebagai pguam Syar'ī di kebanyakan Mahkamah Syariah di Malaysia. Malah di sesetengah negeri, tanpa mengambil kira sama ada peguambela dan peguamcara tersebut mempunyai kelulusan Syariah atau mahir dalam perundangan Islam, mereka akan diterima sebagai peguambela dan peguamcara setelah melalui proses temuduga dan/atau peperiksaan lisan. Bagi mereka yang diterima masuk ke dalam Mahkamah Syariah, atau sijil akan dikeluarkan kepada mereka yang perlu diperbaharui setiap tahun.

Berlainan pula bagi peguam Syar'ī lulusan Syariah, mereka tidak boleh mengamalkan profesion peguaman mereka di mahkamah-mahkamah sivil. Nampaknya, dalam hal ini peguambela dan peguamcara mempunyai kelebihan yang luas. Mereka bukan

sahaja boleh mengamalkan profesion peguaman mereka di mahkamah sivil malah juga di Mahkamah Syariah. Bukan setakat itu sahaja, peguam Syar'i walaupun boleh bekerja di bawah naungan firma peguambela dan peguamcara, nama mereka tidak boleh tertera dalam kepala surat firma tersebut di atas alasan peguam Syar'i lulusan Syariah bukan ahli Majlis Peguam.

Begitu juga keadaannya di mana peguambela dan peguamcara yang mendapat Sijil Amalan dari Mahkamah Syariah boleh beramal di Mahkamah Syariah tersebut tetapi peguam Syar'i lulusan Syariah tidak boleh mengamalkannya di mahkamah sivil walaupun mahir dalam undang-undang sivil di atas alasan mereka bukan ahli Majlis Peguam.

## **Cadangan dan Kesimpulan**

Melihat kepada peruntukan yang ada dalam Akta Profesion Undang-undang 1976 dan juga Kaedah-kaedah Peguam Syar'i di kebanyakan negeri-negeri di Malaysia, penulis berpendapat berlaku ketidakadilan ke atas peguam Syar'i lulusan Syariah berbanding dengan peguambela dan peguamcara yang diterima sebagai peguam Syar'i. Dalam hal ini penulis suka mencadangkan:

- i. Peguam Syar'i lulusan Syariah hendaklah diberi kebenaran berkhidmat di firma-firma guaman sivil dan boleh mengendalikan kes-kes di mahkamah-mahkamah sivil dengan syarat mereka ini mempunyai pengetahuan sistem undang-undang sivil di Malaysia. Berkemungkinan satu kursus intensif perlu diberikan kepada mereka dalam sistem undang-undang sivil dan prosedurnya untuk tempoh-tempoh tertentu.
- ii. Peguam Syar'i lulusan Syariah yang berkhidmat di firma guaman sivil hendaklah diiktiraf oleh Majlis Peguam untuk mengendalikan kes-kes di mahkamah sivil. Begitu juga peguambela dan peguamcara yang berkhidmat di firma guaman peguam Syar'i hendaklah diiktiraf oleh Majlis Peguam untuk mengendalikan kes di mahkamah sivil.
- iii. Majlis Peguam hendaklah mengadakan undang-undang kecil yang menyentuh akhlak dan etika peguambela dan peguamcara yang diterima sebagai peguam Syar'i.
- iv. Undang-undang kecil juga perlu digubal bagi menjaga kepentingan awam agar peguam Syar'i dan peguambela dan peguamcara yang diterima sebagai peguam syar'i menjaga amanah wang.
- v. Perlu diselaraskan syarat-syarat kemasukan peguam-peguam Syar'i di seluruh negara di mana buat masa sekarang ia bergantung kepada bidang kuasa setiap negeri.
- vi. Perlu ditubuhkan satu Majlis Peguam Syar'i yang fungsi dan kuasanya menyamai Majlis Peguam Malaysia.

Dengan terlaksananya saranan yang diutarakan di atas dan cadangan dari pihak-pihak yang lain, kedudukan, perjalanan dan fungsi peguam Syar'i yang ada sekarang dapat dipertingkatkan. Ini bukan sahaja akan menaikkan taraf kedudukan peguam Syar'i lulusan Syariah malah mereka akan "berdiri sama tinggi duduk sama rendah" dengan peguambela dan peguamcara yang diterima sebagai peguam Syar'i. Penulis mengharapkan

agar perasaan tersisih dalam ketidakpuasan hati oleh peguam Syar'ī lulusan Syariah dapat dihapuskan. Akhirnya, adalah diharapkan peguambela dan peguamcara yang diterima sebagai peguam Syar'īe supaya dapat memberi segala bantuan kepada peguam Syar'ī lulusan Syariah dan kalau boleh mengambil mereka sebagai “rakan” atau *partners* dalam firma guaman mereka. Langkah ini akan mempertingkatkan lagi mutu perjalanan kes-kes di Mahkamah Syariah dan seterusnya akan meningkatkan lagi kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia.